

KENALI ANAK ANDA

**Strategi dan Solusi bagi kanak-kanak
yang memberi masalah ketika belajar**

(Download PERCUMA)



ISLAMIC PARENTING
NETWORK

KENALI ANAK ANDA

Strategi dan Solusi Bagi Anak Yang Bermasalah Untuk Belajar



Lina Kham

ISI KANDUNGAN

Kandungan

Muka Surat

Pengenalan	2
Membina, Mengurus dan Memimpin Ahli Keluarga	3
Kebaikkan Stimulasi Ketika Anak Masih Kecil	6
Memahami Cara Otak Kanak-Kanak Bekerja	9
Mengetahui Gaya Belajar Mengikut VAK Model	14
Mengajar Anak Kerana Allah S.W.T	20
Mengenali Kanak-Kanak Yang Mempunyai Masalah Pembelajaran	
ADHD/ADD	22
Autism	25
Dyslexia	30
Menyelami Emosi Kanak-Kanak Yang Mempunyai Masalah Pembelajaran	33

Pertukaran Gelombang Otak Pada Kanak-Kanak Yang Mempunyai Masalah Pembelajaran	35
Masalah Anak Memproses Stimuli Auditori	37
Masalah Anak Memproses Stimuli Visual	38
Masalah Anak Memproses Stimuli Sentuh	39
7 Perkara Yang Perlu Dilakukan Jika Anak Anda Hyperaktif	42
Mengenal Kecenderungan Belajar Melalui Model VAK	45
Penjagaan Makanan Untuk Kanak-Kanak Dengan Masalah Pembelajaran	48
Menyentuh Emosi Anak-Anak Sebelum Mengajar	55
Motivasi dan Mendidik Melalui Ketokohan	58
Kepentingan Motivasi Melalui Cerita	60
Mengenal Perbezaan Kanak-Kanak Ketika Belajar	61
~ Aspek Kesihatan, Fizikal dan Stamina	
~ Aspek Kognitif	63

Kandungan

Muka Surat

~ Aspek Emosi	64
~ Aspek Tingkah Laku	65
~ Aspek rohani	65
Meletakkan Matlamat Wawasan	68
Gerak Kerja Kearah Matlamat Ibubapa	71
Gerak Kerja Kearah Matlamat Anak	73
Kepentingan Mengajar Adab Belajar	76
Komunikasi Berkesan	79
Kenali Wajah Negatif Dan Positif Anak & Ibubapa	
~Bahasa tubuh dan riak wajah anak	
~Bahasa tubuh dan riak wajah ibu	80
~Bahasa lisan anak	
~Bahasa lisan ibubapa	81
Komunikasi dua hala yang berkesan	84
Komunikasi dari persekitaran	85
Komunikasi tegas beserta kasih sayang	86
Komunikasi dari tempat belajar	86

Kepentingan memberi rehat ketika pelajaran sedang berlangsung	86
Melakukan perkara nakal ketika belajar	87
Memberi Dorongan	89
~ Dorongan Luaran	
~ Dorongan Dalaman	90
Teknik Ganjaran	90
Makanan, Istirehat dan Tidur	92
Adakah Anda Cepat Marah?	94
7 Cara Menangani Kemarahan	98
Kanak-Kanak Mengamuk	101
Sikap Ibumama Dalam Meletakkan Had	104
Penutup	105

KENALI ANAK ANDA

PENGENALAN

Saya memang tak boleh mengajar anak saya! Saya tak sabar! Anak saya memang kena belajar dengan orang lain baru boleh jalan.. Biosa dengar keluhan begini? Ada juga yang mengadu, macam manalah saya nak mengajar? Letih, sibuk dari pagi hingga petang. Mati keletihan saya! Banyak cerita kita dengar. Banyak masalah kita jumpa kenapa mereka tidak konsisten mengajar anak mereka. Mereka faham akan potensi anak mereka dan percayanya perlu digilap dari usianya masih muda. Tetapi masalahnya sekarang.. hidup ini **S.T.R.E.S.S!** Bagaimana nak mengajar jika mereka mula sahaja bermain, satu rumah jadi kelam kabut seperti kapal pecah? Dengan rumah yang tunggang langgang dan kepenatan pulang dari bekerja menyebabkan kita mahu lari meninggalkan rumah dan duduk bersendirian seketika. Inikan pula kita diingatkan untuk mengajar mereka.

Sebab inilah buku ini ditulis. Buku ini mengajak untuk kita berfikir semula cara kita menguruskan diri kita sendiri dan cara kita menguruskan kehidupan anak-anak. Selalunya kita gagal melihat bahawa kanak-kanak adalah insan yang bijak yang mempunyai fikiran dan perasaan mereka sendiri. Jika diajak berbincang dengan cara yang betul, mereka akan membantu dalam apa jua yang kita mahu mereka lakukan. Segala masalah yang kita hadapi adalah berpunca dari kegagalan kita berkomunikasi dengan baik dengan mereka.

Jika kita melakukan kerja rumah dan melihat bukan sahaja suami, malah anak-anak pun tidak mahu menolong, salah siapakah ini? Mereka seolah seperti pahat dan tukul. Sekali suruh, sekali buat. Akhirnya kita malas hendak berleter, kita buat sendiri semuanya. Yang jatuh penat dan lembik adalah kita. Kita lihat anak-anak pula semakin bertenaga. Tidak tahu duduk diam. Asyik bergerak, melompat dan berkejar kesana dan kemari. Kita berkemas disini, bersepah disini. Memang patutlah kita merasa penat dan mereka semakin bertenaga. Yang melakukan kerja adalah kita dan yang bebas dari kerja adalah mereka. Anda dapat lihat ketidakadilan ini? Saya cadangkan rombak balik kehidupan anda sekeluarga. Pastikan tenaga dan masa semua digunakan dengan adil.

Tetapi masalahnya, jawapan yang saya terima adalah...

1. Saya malas nak bising-bising,
2. Tak reti nak cakap macam mana
3. Kalau mereka buat kita tak puas hati, baik kita buat sendiri!
(Mrs. Perfectionist!)

MEMBINA, MENGURUS DAN MEMIMPIN KELUARGA

Pengalaman saya ketika bekerja dahulu adalah jika mahu menjadi seorang pengurus yang efisien, kita perlu bijak untuk 'delegate'. Jika kita ketua dan kita mahu buat kesemuanya, memang akan timbul kepincangan dan kegagalan yang bertimpa-timpa. Ingat kata pepatah - ***"You can do anything but not everything"***

Kita mahu anak kita dewasa nanti menjadi pemimpin yang hebat. Kita perlu mengajar mereka cara untuk memimpin itu dari sekarang. Berikan contoh kepimpinan kita yang baik dan lakukannya bersama kerana kanak-kanak akan belajar bukan dari apa yang kita cakapkan tetapi melalui pemerhatian mereka melihat apa yang kita lakukan. Maka, kitalah pemulanya. Kita perlu jadi pemimpin yang baik.

Untuk berjaya memimpin sebuah keluarga yang kecil, sama sahaja resepinya dengan kaedah memimpin sebuah organisasi yang besar. Bagi organisasi besar, pemimpin yang baik didefinisikan seperti dibawah.

Leaders need to be a strong communicator. They need to have a clear and defensible strategy. They need to work through others to drive results and to foster creativity and innovation and they need to mentor others.

Dari definisi itu, jelas, sebagai ibu kita perlu bekerja bersama mereka dan bukan bekerja untuk mereka. Ada ibu yang bangun pukul 4 pagi sebelum subuh untuk menyiapkan itu dan ini bagi anak mereka. Ya, dia adalah ibu yang baik tetapi dia bukanlah pemimpin yang memimpin dengan baik. Seorang pemimpin yang baik perlu ada pelapis yang dilatih dan terlatih iaitu anaknya. Anaknya mungkin tidak dapat mewarisi kerajinannya kerana sudah terbiasa dibangunkan sewaktu kerja semuanya sudah selesai dan hanya untuk bangun makan sarapan sahaja. Mungkin mereka tidak akan menghargai pun apa yang ibu mereka lakukan kerana semuanya dilakukan ketika mereka tidur. Mereka tidak

melihatnya dan tidak merasa melakukannya. Mana mungkin mereka boleh menghargai.

Jika kita dapat selesaikan masalah kepimpinan kita dalam pengurusan rumah dan anak-anak, InsyaAllah kita juga akan selesai dengan masalah terlalu penat dan masalah tidak cukup masa. Sekarang barulah kita berbincang tentang mengajar anak pula.

Permulaannya biar saya katakan bahawa mengajar anak ini seperti kita mendirikan solat. Jika dulu masa kecil kita tidak solat, kita tidak rasa apa-apa. Bila kita dewasa, kita bersolat, sekali tidak solat kita akan rasa resah. Begitu juga dengan mengajar anak. Bila kita sudah rutinkan, tinggal sahaja sehari kita tidak mengajar, kita akan rasa resah. Walaupun waktu mengajar itu cuma 5-10 minit sahaja sehari. Kita akan terasa sudah rugi semalam tidak dapat mengajar mereka. Itu adalah pengalaman saya dan ibubapa yang sudah merutinkan kaedah saya didalam **Seminar DarwishDarwisya**.

Baik, kita mungkin baru mahu bermula atau sedang dalam proses mahu mengajar mereka. Tetapi banyak sangatlah masalah dan perangai anak yang berdrاما ikut sukahati mereka menyebabkan kita yang pada mulanya bersemangat menjadi seperti biskut lemau! Kenapalah mereka ini tidak memberikan kerjasama yang baik? Kenapalah mereka ini tidak memahami apa yang kita mahu untuk mereka? Berbuih mulut mengajak dan memujuk mereka untuk belajar tetapi seperti semakin diusahakan semakin mendidih pula darah kita. Sebelum terjadi apa-apa, baiklah dilupakan sahaja niat itu. Biar sahaja mereka bermain. Hilanglah semangat itu.

Akhirnya bila mendengar anak orang lain sudah pandai itu dan ini, anak kita masih lagi seperti itu, kita akan rasa menyesal tidak mengajar mereka. Padahal bukanlah susah mana pun apa yang hendak diajar itu. Menyesal ketika anak kita masih kecil tidak mengapa. Kita masih lagi boleh bersyukur kerana mereka masih belum terlambat. Seorang pengusaha tadika rangkaian “Smart Reader” pernah berkongsi dengan saya bahawa dia bukan sahaja mempunyai kanak-kanak umur tadika. Dia juga mengajar kanak-kanak yang sudah bersekolah untuk membaca. Ibubapa mereka ini meminta bantuan untuk mengajar anak mereka yang telah masuk ke Tahun 3 atau Darjah 3 tetapi masih tidak lagi boleh membaca! Saya hampir tidak percaya! Anak saya boleh membaca dan bertutur dalam 2 bahasa pada umur 5 tahun merasa seperti tidak percaya. Tetapi itulah yang terjadi diluar sana.

Mereka yang telah terlambat ini pula dilabel masyarakat sebagai “Kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran”. Sedangkan sepatutnya mereka patut digelar sebagai **“Kanak-kanak yang tidak dipedulikan oleh ibubapa mereka untuk mengajar ketika kecil dahulu sebab sibuk”**

Mereka tidak salah. Yang salah adalah kita sebagai ibubapa. Anak-anak adalah cermin kepada ibubapa.

KEBAIKAN STIMULASI BELAJAR DARI KECIL

Semua kanak-kanak perlu distimulasikan untuk belajar dari kecil. Dengan stimulasi kecil-kecilan dan berdikit-dikit ini akan

membentuk kanak-kanak yang cintakan ilmu dan kemudian menjadikan mereka seorang yang berilmu. Contohnya, anak saya tidak boleh duduk belajar walau hanya untuk **5 minit** sahaja ketika umurnya 1 tahun dahulu. Kita ikutkan sahaja. 5 minit pun jadilah. Asalkan mereka belajar setiap hari. Jika 5 minit ini dikumpulkan, ianya akan menjadi gunung! Alhamdulillah sekarang anak yang sama ini boleh duduk selama 1 jam membaca al Quran tanpa bergerak, berkat melatih mereka seni belajar itu. Alhamdulillah kerana ilmu 5 minit dan meningkat kemudiannya itu, bila dikumpulkan menjadikan mereka terkehadapan dari kanak-kanak yang tidak belajar dan hanya menunggu waktu bersekolah di tadika untuk mula belajar.

Ibu, bapa atau guru adalah ibarat seorang doktor yang perlu mengetahui serba sedikit tentang pesakitnya sebelum mendiagnos penyakit anak mereka. Sudah tentulah kita telah mengenal nama dan siapa anak kita, tetapi tidak semestinya ibubapa tahu cara gaya belajar mereka. Contohnya bagaimana otak mereka berkerja

Seperkara lagi, sebelum kita mengeluh dengan anak yang memberi masalah pembelajaran ketika mereka belajar serta memarahi dan menyalahi mereka, tanyalah pada diri sendiri tentang sikap kita semasa mengandungkan mereka dahulu.

Mengikut kajian masalah Autism, ADHD, ADD dan sebagainya itu, pakar mendapati walaupun ada kecenderungan genetik terhadap permasalahan ini, ia tidak 100% muktamad menjadi penyebabnya. Mereka sepakat menyatakan ia adalah gabungan genetik dan non-genetik sebelum dan semasa hamil yang akan melahirkan kanak-kanak dengan pelbagai masalah pembelajaran ini. Pemerhatian mereka faktor non genetic lebih kuat menguasai penyebabnya.

Jika kita kaji, masalah pembelajaran ini tidak pernah wujud ketika zaman kegemilangan Islam dahulu kerana ibu-ibu dizaman itu sangat menjaga diri ketika hamil. Mereka menjaga diri bukan sahaja sebelum kahwin, malah sebelum berjimak iaitu sebelum sperma bersatu ke dalam ovum. Segala dalam Islam ada adabnya. Ini dapat mengelakkan campur aduk syaitan dan jin dalam memberi masalah mendidik anak yang kita lahirkan nanti yang memungkinkan mereka tumbuh menjadi bakal khalifah yang hebat. Sehingga kini pakar Barat tidak menyimpulkan ia adalah 100% genetik. Jika anda sedang hamil atau merancang untuk hamil, saya cadangkan anda dapatkan ebook saya **“Melahirkan Bayi Genius Akhir Zaman”** di website saya www.bayigenius.islamicparentingnetwork.net untuk perkongsian ketika hamil.



Untuk anak kita yang sudah lahir, janganlah kita putus asa. Allah itu Maha Mengasihani. Setiap penyakit ada ubatnya dan kita cari ilmu untuk mendapatkan ubatnya itu.

MEMAHAMI CARA OTAK KANAK-KANAK BEKERJA

Statistik menunjukkan bahawa:


- **5%** kanak-kanak belajar membaca sendiri
- **20-30%** akan belajar membaca dengan mudah selepas menerima arahan dan menggunakan kaedah membaca yang formal (mana-mana kaedah membaca yang ada diluar sana adalah efektif)
- **30-50%** akan mendapati belajar membaca adalah sukar tanpa panduan berterusan, arahan-arahan sistematik dan terperinci

Kita lihat, kanak-kanak yang mudah belajar adalah mereka dalam golongan minoriti.

Sistem neurologi kanak-kanak berbeza-beza antara satu kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain. Dari data diatas, kita dapati kebanyakan kanak-kanak mempunyai masalah pembelajaran! Namun, tidak semestinya mereka yang mempunyai masalah pembelajaran diwaktu kecil mempunyai kapasiti akal yang rendah. Kebanyakan mereka mengeluarkan potensi yang lebih hebat dari golongan minoriti yang tidak mempunyai masalah pembelajaran ini jika ibubapa mereka adalah tergolong dari orang yang sentiasa memberi sokongan dan galakan. Contohnya, mengikut kajian, 40% ahli perniagaan adalah mereka yang pernah mempunyai masalah pembelajaran jenis dyslexia sewaktu kecil. Jika dilihat dari peratus dyslexia dikalangan kanak-kanak, ia cuma

20% sahaja. Ini bermakna angka 40% dari ahli perniagaan adalah dyslexia ketika kecil ini adalah satu angka yang signifikan! Dari pemerhatian saya, seorang ibu bila mengetahui anak mereka mempunyai masalah pembelajaran, akan lebih berusaha mencari ilmu berbanding dengan jika mereka mempunyai anak yang tidak mempunyai apa-apa masalah. Mereka akan lebih kerap memanjatkan doa untuk anak mereka dengan sepenuh hati kepada yang Maha Esa. Ini menyebabkan kejadian tersebut boleh berlaku seperti apa yang kita lihat sekarang. Jika anak anda mempunyai masalah pembelajaran, bersabarlah dan cuba cari ilmu sebanyak mungkin dan seawal mungkin sebelum terlewat.

Ilmu asas yang perlu kita ketahui adalah tentang cara otak mereka bekerja. Kawalan *Gelombang otak* pada kanak-kanak berbeza dari manusia dewasa. Ibarat memegang pensel, ada kanak-kanak boleh memegang pensel dengan baik diusia awal, ada yang tidak boleh walaupun sudah masuk ke sekolah Tahun 1 kerana tidak tiada latihan sebelumnya. Begitulah juga otak mereka.



Ibubapa diluar sana yang selalu mengeluh anak mereka sukar diajak belajar, perlu tahu bahawa anak mereka bukan jenis yang boleh menukar gelombang otak sedang bermain (gelombang

beta) terus kepada gelombang otak belajar (gelombang alpha) seperti memetik suis lampu!



Contohnya selepas kanak-kanak berlari dan bermain, kemudian kita memanggil mereka untuk duduk dan menulis. Mungkin didalam satu kelas di sekolah, sebahagian kanak-kanak akan mengikut arahan untuk belajar. Tetapi ada sebahagian kanak-kanak yang lambat menukar gelombang otak mereka yang masih di gelombang Beta, rasa seperti agak kekok untuk menurut arahan. Rasa seperti mahu memberontak. Seperti perkara lain, mereka memerlukan masa dan latihan yang berterusan dalam proses menukar kesana dan ke mari gelombang otak mereka itu. Sebagaimana mereka berlatih menggunakan tangan untuk menyuap nasi hingga tiada suapan yang terjatuh ke lantai, begitulah juga mereka perlu berlatih bagaimana untuk menukar gelombang otak mereka dari bermain aktif kepada fokus duduk belajar dengan sekelip mata sahaja seperti mana ibubapa atau guru mereka mahukan itu. Sebab itu lebih awal kita mengetahui dan memahami cara mereka belajar lebih bagus. Kita boleh memulakan mengajar mereka tanpa stress dan mereka pula akan belajar dengan lebih efektif.


Seperti yang kita tahu, bila kanak-kanak lepas bermain dan bergurau sesama mereka dengan aktif, kemudian kita memanggil mereka untuk duduk belajar. Hanya sedikit sahaja bilangan kanak-kanak yang boleh mengambil pensel dan menurut apa yang kita suruh lakukan. Ini bermakna, kanak-kanak ini telah berjaya mengawal dan mengubah gelombang otak mereka dari Beta ke gelombang Alpha dalam masa yang pendek sahaja. Kebanyakan kanak-kanak memerlukan masa untuk menukar frekuensi gelombang mereka yang masih dalam keadaan beta ke gelombang alpha.

Bagi memudahkan peralihan gelombang ini, kita perlu memulakan sesi pembelajaran dengan sesuatu yang menarik. Sesuatu yang mempunyai nilai 'game'

Namun seperti perkara lain juga, dengan latihan yang konsisten, semua kanak-kanak boleh belajar untuk melakukan pertukaran itu dengan mudah tanpa sesi transisi/peralihan sebelum pembelajaran serius satu hari nanti.



Contoh game yang boleh di gunakan sebelum pelajaran bermula bagi menunggu gelombang otak berubah ke alpha
Boleh didapati di bacacepat.islamicparentingnetwork.net



Cuba tengok kad huruf itu. Ianya kelihatan seolah seperti kad biasa yang mengajar huruf dan perkataan yang bermula dengan huruf

tersebut. Kemudian tutup kad itu dan soal anak anda dengan soal-an yang disediakan dengan gambar tersebut. Contohnya :

1. Berapa ekor semut di dalam gambar tadi?
2. Yang manakah lebih banyak, semut merah atau semut biru?
3. Buah epal dalam gambar tadi berwarna hijau atau merah?
4. Dan lain-lain soalan.

Kita telah memasukkan elemen yang menyeronokkan pada pembelajaran huruf kemudian setelah kita lihat mereka sudah bersedia, bolehlah memulakan pelajar yang lebih serius seperti belajar al Quran dan sebagainya. Mungkin memerlukan 1-3 kad sahaja sehari. Tidak terlalu panjang kerana tujuannya adalah untuk menunggu gelombang otak berubah dengan cara yang menyenangkan mereka.

Dengan adanya game seperti ini, anda tidak memaksa terus untuk mereka menukar gelombang otak mereka dengan drastik dan akan memudahkan anak dan ibu ketika pembelajaran yang serius berlangsung. Mereka akan mula menyesuaikan diri dengan setting tempat belajar dan mental serta fizikal yang sesuai untuk menerima pembelajaran dari anda.

Mengetahui Gaya Belajar Mengikut VAK Model

Kadang-kadang kita stress mengajar apabila cara kita mengajar bertentangan dengan cara mereka belajar. Kita tidak tahu bagaimana sebenarnya kecenderungan anak kita mudah untuk belajar. Ibarat kita menyuruh mereka bernafas melalui mulut sedangkan mereka lebih mudah bernafas melalui hidung yang memang telah dijadikan secara fitrah untuk bernafas. Pakar neurologi telah lama mengetahui bahawa mata adalah laluan keluar masuk dari otak. Cara arah gerakan mata, jika kita benar-benar perhatikan, akan memberikan kita maklumat bagaimana gaya pembelajaran dan komunikasi pilihan seseorang itu. Memerhati gerak mata ini adalah cara ahli neurologi mengakses cara berfikir seseorang itu tidak kira jantina, bangsa, budaya atau apa bahasa sekalipun. Kita juga boleh belajar dari mereka ini dengan memerhatikan pergerakan mata sesiapa yang kita kenali termasuk anak kita untuk memastikan kita berkomunikasi dengan lebih efektif. Seterusnya setiap patah perkataan kita akan memberi kesan keatas mereka. Kita kemudian mudah untuk mengajar atau meyakinkan mereka.

Pergerakkan Mata Untuk Mereka Yang Menggunakan Tangan Kanan
(Untuk Tangan Kiri, terbalikkan imej ini)



Kita boleh menggunakan carta ini untuk:

- Mengesan gaya pembelajaran VAK - Samada mereka adalah visual, auditori atau kinestetik
- Dapat membaca bagaimana mereka menerima mesej kita;
- Meningkatkan keberkesanan komunikasi dengan mereka

'Carta Neurologi pergerakan mata' diatas adalah yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Sebagai kesimpulan, orang visual cenderung untuk melihat keatas (untuk gambaran mental); orang auditori cenderung untuk melihat ke sisi (ke arah telinga); dan orang-orang kinestetik cenderung untuk melihat ke bawah.

Dalam buku (al Siyasa) yang ditulis oleh Ibnu Sina, beliau menyatakan pendidikan yang baik adalah pendidikan yang mementingkan 'self education' atau mendidik diri sebelum mendidik orang lain. Sebelum kita mendidik anak kita, kita perlu mendidik diri kita akan cara mengenal dan mendidik mereka terlebih dahulu. Itulah kunci keberkesanan dalam proses mendidik. Kita tidak boleh menyamaratakan anak-anak kita dalam cara mendidik mereka kerana setiap dari mereka adalah berbeza-beza.

Setiap kanak-kanak belajar dengan kecenderungan yang berbeza. Walaupun mereka adalah kanak-kanak yang mempunyai ibubapa yang sama, tinggal dirumah yang sama dan didedahkan dengan persekitaran yang sama.

Jika kita tidak mengenal cara belajar mereka, yang akan susah adalah diri kita sendiri kerana kita akan rasa tertekan melihat hasil kenapa mereka tidak boleh memahami apa yang kita ajarkan.

Kenapa kanak-kanak hanya seronok bila menonton kartun kesukaan mereka atau bermain game, berlari bermain police entry dan sebagainya tetapi kenapa bila mereka mula sahaja belajar mengaji mereka sudah tidak seronok? Bagaimana mahu menjadikan mereka bersemangat belajar al Quran seperti mana mereka bersemangat ketika bermain?

Masalah ini tidak boleh diletakkan kepada mereka 100%. Ia adalah masalah warisan yang berpunca dari diri kita. Kegagalan menaikkan semangat mempelajari al Quran atau ilmu lain itu adalah satu 'dosa' ibubapa yang akan menyebabkan progress yang perlahan dan usaha yang tidak sepenuh hati dari mereka ketika belajar.

Ingat, kegagalan kita menjadikan mereka menyintai ilmu al Quran mungkin akan menyebabkan kegagalan kita menjadikan mereka menyintai ilmu yang lain juga. Kebolehan kita membuatkan mereka menyintai ilmu al Quran adalah satu kelebihan untuk kita menjadikan mereka menyintai ilmu yang lain diluar sana.

“Belajar adalah permainan yang mengasyikkan dalam kehidupan. Anak-anak yang lahir dan meyakini akan terus mempercayai kenyataan ini hingga kita meyakinkan mereka bahawa belajar merupakan sesuatu tugas yang berat dan tidak menyenangkan”

Kata-kata Glenn Doman dalam Teach Your Baby Math.



Apabila belajar tidak seronok maka ilmu pengetahuan tidak dapat diserap sepenuhnya atau penyerapannya kurang efisien. Belajar dalam keterpaksaan tetap boleh membuahkan hasil tetapi ianya

tidak secepat dengan mereka yang belajar dengan rela hati dan semangat tinggi.

Namun samada keterpaksaan atau rela hati semuanya perlu ada titik permulaannya. Boleh jadi, untuk mendisiplinkan anak kita, mereka bermula dengan keterpaksaan. Tetapi keterpaksaan ini dilakukan dengan penuh strategi yang tersusun untuk menjadikan mereka bertukar kepada rela hati. Lama kelamaan keterpaksaan itu, dengan usaha kita yang sedikit demi sedikit menyebabkan mereka bertukar menjadi suka dan bersemangat. Agak jarang untuk mendapat seorang kanak-kanak yang secara semulajadinya suka dan minat untuk belajar tanpa dorongan ibubapa atau sesiapa sahaja disekeliling mereka.

Oleh itu janganlah ibubapa tidak mengendahkan tugas mendidik. Jika tidak diendahkan juga, akan menyesal tak sudah jadinya.

Anak-anak yang tidak dididik berkemungkinan akan merasa kosong. Mudah untuk melakukan perbuatan yang tidak bermoral yang bakal merosakkan diri mereka dan orang lain juga. Pada ketika itu sudah tentu kos bagi memulihkan mereka kembali lebih mahal. Mungkin juga walau berapa pun nilai yang sanggup kita bayar, tidak mampu memulihkan mereka kembali. Renungkanlah...

Kita cuma ada satu peluang bagi mengubah dan membentuk anak-anak kita. Ia mudah dibentuk ketika kecil dimana mereka benar-benar mendengar apa yang kita katakan sebagai satu kata yang perlu dipegang. Selalu kita dengar anak-anak kecil akan

berkata ... “ **Mak saya kata...**” . Ini adalah lebih baik berbanding jika mereka telah dewasa dimana mereka mempunyai ‘penasihat lain’ yang terdiri dari kawan-kawan sebaya dan juga mengikut ‘kepala mereka’ sendiri yang telah dipengaruhi anasir luar.

Sebagai pendidik atau pengajar, kita bukan sahaja perlu mengajar anak kita ilmu al Quran itu tetapi juga menjadikan mereka cinta akan ilmu tersebut. Cinta inilah yang menyebabkan perbezaan seorang kanak-kanak yang ‘bersemangat’ untuk belajar dengan kanak-kanak yang ‘terpaksa’ untuk belajar.

Dapatkan ‘Pakej Ebook Kenali Anak Anda’ yang mengandungi lebih 100 mukasurat membincangkan tentang Strategi dan Solusi Mengajar Kanak-Kanak Yang Bermasalah Untuk Belajar.

1. Ebook Kenali Anak Anda
2. Slide Panduan Mengajar Kanak-Kanak
3. Voucher Seminar RM30

Boleh didapati di <http://kenalianak.islamicparentingnetwork.net/>

